

# MQA mampu pacu pendidikan negara

UM-14/2/2007

BANGI 13 Feb. - Penubuhan Agensi Kualiti Malaysia (MQA) oleh Kementerian Pengajian Tinggi dijangka dapat memacu pendidikan negara menjadi lebih setara dan setanding dengan corak pendidikan antarabangsa.

Setiausaha Parlimen kementerian itu, Datuk Dr. Adham Baba berkata, penubuhan agensi tersebut yang dijangka mendapat kelulusan Parlimen pada sesi akan datang antara lain membolehkan rakyat meneruskan pendidikan tanpa had umur.

"Ini supaya rakyat mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan masyarakat antarabangsa tanpa sebarang jurang akademik yang memisahkan antara satu sama lain," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas mewakili Menteri, Datuk Mustapa Mohamed merasmikan Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara kali ke-3 anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Institut Latihan Keselamatan Sosial (ESSET), Bangi di sini hari ini.

Adham berkata, agensi berkenaan telah membuat banyak lawatan ke pelbagai negara di dunia bagi mengambil pandangan daripada pemimpin dan 'pemain-pemain' utama dalam dunia pendidikan, mengkaji sistem dan mendapatkan model-model pendidikan yang terbaik.

"Ini bagi membolehkan kita mempunyai pembaharuan untuk mencapai pendidikan bertaraf dunia yang menjadi antara teras Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010" katanya.

Beliau turut memberi komen mengenai pelantikan Drew Gilpin Faust sebagai Presiden Universiti tertua dan paling berprestij di dunia, Universiti Harvard, Amerika Syarikat.

"Pelantikan Faust tidak sahaja satu pengiktirafan yang tinggi kepada golongan wanita tetapi difahamkan Presiden baru Harvard itu kini menyedari mengenai kepentingan nilai-nilai moral untuk diterapkan dalam sistem pendidikan," katanya.